

Subramaniam: MIC bersedia hadapi pilihan raya, jelas dengan misi PM
Malaysian Insider
Disember 10, 2012
Oleh Nomy Nozwir

KUALA LUMPUR, 10 Dis – MIC sudah bersedia untuk menghadapi pilihan raya umum (PRU) serta jelas dengan misi yang diamanahkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, untuk memastikan undi kaum India kembali ke Barisan Nasional (BN), kata Datuk Seri Dr S. Subramaniam.

Timbalan presiden MIC itu berkata, partinya akan sentiasa berusaha keras untuk memastikan kemenangan serta akan bergerak ke akar umbi memastikan rakyat terbela di bawah kerajaan BN.

“Kesimpulan dari perhimpunan agung MIC semalam, bahawa kita sudah jelas dengan misi dari perdana menteri untuk memastikan kaum India menyokong BN.

“Ini kerana BN telah memberi keamanan dan kestabilan kepada kita,” katanya dalam sidang media selepas merasmikan program Mysihat Indian 1Malaysia pagi ini.

Ahli parlimen Segamat itu berkata, berbanding pembangkang yang tidak sehaluan dengan pelbagai isu, BN dilihat sebagai satu simbol perpaduan untuk kestabilan negara.

“Kalau kita lihat pakatan pembangkang, mereka tidak sehaluan dalam pelbagai isu, manakala BN pula menjadi simbol perpaduan untuk kestabilan negara.

“Dan kita mempunyai perdana menteri yang baik, dan mendengar keluhan suara rakyat, jadi kita perlu sokong untuk kemenangan pilihan raya akan datang,” kata Subramaniam lagi.

Semalam, presiden MIC Datuk Seri G Palanivel menyeru kepada ketua bahagian parti untuk bertemu dengan ahli-ahli untuk memastikan kekuatan 420,000 ahlinya dapat menjamin kemenangan BN dalam pilihan raya akan datang.

Beliau berkata, dengan pengundi dari masyarakat India sekitar 955,000, dimana 450,000 adalah ahli MIC.

"Kita mesti membina hubungan yang baik dalam parti dan di luar parti. Di luar parti, ada 900,000 pengundi masyarakat India, kita mesti serius untuk memastikan 20 hingga 30 peratus pengundi ini mengundi kita bagi memastikan mandat yang kuat bagi BN dan parti," kata Palanivel semalam, dalam perhimpunan agung tahunan MIC yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang dirasmikan oleh Najib.

"Perdana Menteri telah menjanjikan masa depan yang cerah dan adil untuk semua rakyat Malaysia, terutamanya masyarakat India, kita kini mendapat peluang yang sama di universiti dan matrikulasi," katanya lagi.

Dalam ucapan pembukaan, Najib menyeru masyarakat India untuk kembali mengundi BN sebagai undi 'simpanan tetap' bagi memastikan kemenangan parti tersebut menjelang pilihan raya ini.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/subramaniam-mic-bersedia-hadapi-pilihan-raja-jelas-dengan-misi-pm/>